Cover Concept • Pendidikan Muzik Tahun 6 C=0 M=100 Y=100 K=10

KSSR

PENDIDIKAN MUZIK TAHUN 6 SK

# PENDIDIKAN MUZIK TAHUN 6

SEKOLAH KEBANGSAAN

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

DBP

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH KSSR KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

RM6.11
ISBN 978-983-49-0264-3
9 789834 902643
B316001

# RUKUN NEGARA

**Bahawasanya Negara Kita Malaysia**
mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam
kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana
kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama
secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang
akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar
akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami
untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan
prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**
**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**
**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**
**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**
**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

**(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)**

rukun negara.indd 1 3/17/15 7:42 AM

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

# PENDIDIKAN MUZIK TAHUN 6

SEKOLAH KEBANGSAAN

**PENULIS**
Zaiton binti Mohamad
Lee Chai Huat

**EDITOR**
Ana Suhana binti Zainuddin

**PEREKA BENTUK**
Mohd Ashrul bin Zainal Alam

**ILUSTRATOR**
Mohd Amir bin Ibrahim

**Dewan Bahasa dan Pustaka**
**Kuala Lumpur**
**2019**

No. Siri Buku: 0013

KK 3728-1211-00264-2103
ISBN 978-983-49-0264-3
Cetakan Pertama 2015
Cetakan Ketiga 2019
© Dewan Bahasa dan Pustaka 2015

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan cara apa-apa jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Penerbit:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
Telefon: 03-2147 9000 (8 talian)
Faksimile: 03-2147 9643
Laman Web: http://www.dbp.gov.my

Reka Letak dan Atur Huruf:
Percetakan Bumi Restu Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Muka Taip Teks: 12/14 poin

Dicetak:
Percetakan Nasional Malaysia Berhad,
Jalan Chan Sow Lin,
50554 Kuala Lumpur.

## PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang berikut:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Istana Budaya, Kuala Lumpur
- Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Kuala Lumpur
- Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri, Wilayah Persekutuan
- Bahagian Promosi Pelancongan, Jabatan Ketua Menteri Melaka
- Encik Mohd. Jufry bin Yusoff, Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia
- Encik Helmi bin Abdul Manaf, Muzium Negeri Kedah, Alor Setar, Kedah
- Puan Debbie Deborah Paka, Sekolah Seni Malaysia Sarawak

Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini.

# KANDUNGAN


Pendahuluan iv

**Unit 1**
Alat Muzik Improvisasi 1

**Unit 2**
Peta Bunyi 19

**Unit 3**
Alat Muzik Dunia 37

**Unit 4**
Rentak dan Irama 57

**Unit 5**
Media Muzik 71

**Unit 6**
Komposer Malaysia 85

# Pendahuluan

Buku teks *Pendidikan Muzik Tahun 6 Sekolah Kebangsaan* kegunaan mulai tahun 2016 masih meneruskan transformasi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang telah dimulakan pada tahun 2011. Melalui kurikulum standard tersebut, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) telah digubal dengan memberikan penekanan kepada pernyataan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu diketahui dan berkeupayaan dilaksanakan oleh murid. Standard yang dipersembahkan dalam bentuk modul ini mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran muzikal, elemen merentas kurikulum, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan nilai murni. Kesemua elemen ini perlu dikuasai oleh murid sekolah kebangsaan dalam meningkatkan kebolehan penguasaan kemahiran muzikal mereka selain memantapkan pemahaman konsep muzik yang betul dan berkesan dalam memahami estetika seni dan budaya dalam masyarakat.

Buku teks *Pendidikan Muzik Tahun 6 Sekolah Kebangsaan* mengandungi enam (6) unit, iaitu Alat Muzik Improvisasi, Peta Bunyi, Alat Muzik Dunia, Rentak dan Irama, Media Muzik, dan Komposer Malaysia. Dalam setiap unit pula terkandung beberapa unit kecil yang berpandukan konsep muzik yang dipetik melalui Dokumen Standard Pendidikan Muzik Tahun 6 di bawah empat modul utama kurikulum, iaitu:

- Modul Pengalaman Muzikal
- Modul Penghasilan Muzik
- Modul Apresiasi Muzik
- Modul Membaca dan Menulis Notasi Muzik

Setiap konsep muzik itu pula diperjelas secara amali dengan aktiviti yang pelbagai agar murid faham dan memperoleh pengalaman muzikal. Buku teks ini turut menekankan konsep holistik dan konsep bunyi sebelum simbol (sound before symbol). Kesemua modul di atas disentuh melalui pendekatan muzikal sama ada melalui aktiviti nyanyian, permainan alat perkusi, permainan rekoder, muzik dengan pergerakan, dan apresiasi muzik. Kemahiran mendengar secara aktif diserapkan dalam semua aktiviti tersebut. Oleh hal yang demikian, buku ini dipersembahkan dan disusun secara sistematik bermula dengan:

- Aktiviti Rangsangan
- Pengenalan Konsep Muzik
- Aktiviti Muzikal
- Latihan Menulis
- Penilaian

**Aktiviti Rangsangan** – Sebelum memperkenalkan sesuatu konsep muzik, dan murid diberi peluang untuk melahirkan pengetahuan sedia ada melalui pengalaman mereka dalam perbincangan. Mereka juga diberi peluang untuk meneroka dan merujuk pelbagai bahan untuk mendapatkan pengalaman dan pengetahuan baharu. Guru membantu merangsang percambahan idea dan membimbing murid dalam meningkatkan pemahaman ilmu yang diperoleh.

**Pengenalan Konsep Muzik** – Setiap unit dalam buku ini berasaskan konsep muzik yang terkandung dalam DSKP KSSR Tahun 6. Konsep muzik seperti irama, melodi, bentuk, warna ton, tekstur, ekspresi, dan harmoni diterjemahkan mengikut unit bagi memudahkan murid memperoleh kemahiran muzikal dengan lebih berkesan. Setiap unit dimulakan dengan skor muzik penuh bagi lagu utama yang akan dipelajari dalam unit yang tersebut. Skor muzik ini mengandungi kesemua konsep muzik yang terkandung dalam unit yang akan dipelajari. Guru boleh meminta murid membuat pemerhatian dan berbincang tentang skor tersebut sebagai persediaan pengajaran dan pembelajaran (P & P).

Setiap konsep muzik yang diperkenalkan akan diikuti dengan penerangan berserta ilustrasi atau gambar foto agar murid dapat memahaminya dengan jelas.

**Aktiviti Muzikal** – Setelah murid memahami konsep muzik yang diperkenalkan, aktiviti praktikal dan latih tubi disediakan agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran muzikal. Di samping itu, aktiviti muzikal tersebut juga membuka peluang meneroka dan mencipta kepada murid. Terdapat pelbagai pendekatan digunakan dalam buku teks ini seperti melalui permainan, pergerakan muzikal, serta apresiasi muzik dan alam. Kesemuanya dilaksanakan melalui aktiviti nyanyian, muzik dengan pergerakan, permainan alat perkusi dan permainan rekoder yang disesuaikan mengikut kemampuan murid. Tidak kurang juga pendekatan dan kaedah yang diaplikasikan dalam P & P bagi setiap unit seperti kaedah Kodaly, Dalcroze dan pendekatan Orff. Integrasi pembelajaran melalui mata pelajaran lain seperti Sains, Matematik, Pendidikan Jasmani, dan bahasa juga berlaku.

**Penilaian** – Soalan-soalan yang berunsurkan KBAT seperti menjawab soalan melalui pendengaran aktif, membuat analisis, mengimprovisasi dan mencipta disediakan pada akhir setiap unit agar murid dapat meningkatkan kemahiran mereka dalam menyelesaikan masalah.

Buku teks ini juga dilengkapkan dengan DVD audio yang memuatkan lagu dalam bentuk vokal, instrumental, minus one, latihan pic, latihan alat perkusi, latihan rekoder, melodi dan melodi kaunter, cerita dengan kesan bunyi, latihan solfa, serta deklamasi sajak dengan kesan bunyi. Bahan audio tersebut digunakan bagi membolehkan murid mencapai hasil pembelajaran dengan lebih baik. Selain itu, semua aktiviti disusun mengikut tahap perkembangan kognitif murid dan mengikut proses dari peringkat yang mudah kepada yang susah, dari yang dekat kepada yang jauh serta mengandungi unsur kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Bagi mengukuhkan penghayatan murid dalam kemahiran muzikal serta memahami estetika seni dan budaya dalam masyarakat, elemen merentas kurikulum (EMK) seperti kreativiti dan inovasi, keusahawanan, teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), nilai serta KBAT turut menjadi unsur penting dalam penstrukturan dan pembentukan komponen buku teks *Pendidikan Muzik Tahun 6 Sekolah Kebangsaan* ini.

## Maklumat dalam Buku Teks




Standard Pembelajaran

**Kamus Mini** - Rujukan makna perkataan.

**Nota Guru** – Cadangan aktiviti dan maklumat tambahan yang disediakan sebagai panduan kepada guru untuk membimbing murid melaksanakan sesuatu aktiviti P & P.




**Cerdik Muzik** – Penilaian berbentuk sumatif untuk menguji dan menilai tahap kecekapan murid tentang sesuatu topik.

Nombor unit




**Audio** - Lagu dan latihan praktikal yang disediakan dalam bentuk DVD bagi membantu guru dan murid menjalankan aktiviti muzikal.




**Pengukuhan** – Soalan atau aktiviti tambahan yang memberikan kefahaman yang lebih kepada murid.

**Informasi** – Maklumat tambahan yang berkaitan dengan tajuk yang sedang dipelajari yang dapat mencetuskan perasaan ingin tahu murid.

Aktiviti yang melibatkan permainan rekoder dan/atau alat perkusi.

Aktiviti yang melibatkan nyanyian.




Aktiviti yang memerlukan murid mendengar dan memberikan perhatian.

Aktiviti yang memerlukan murid membuat pemerhatian.

Buku teks *Pendidikan Muzik Tahun 6 Sekolah Kebangsaan* ini amat menekankan penggabungjalinan kemahiran muzikal seperti kemahiran mendengar dan bermain alat muzik, kemahiran membaca skor muzik, kemahiran menulis notasi muzik dan aspek pemahaman konsep muzik bagi memantapkan penguasaan pengetahuan dan kemahiran muzikal murid. Besar harapan penulis agar buku teks ini dapat membantu murid mempelajari muzik dengan lebih mudah dan menghiburkan.

Selamat maju jaya.

*Zaiton binti Mohamad*
*Lee Chai Huat*

UNIT 1

# Alat Muzik Improvisasi

Cuba kamu ketuk meja, goncang air minuman dalam botol atau geser beg plastik dengan kedua-dua belah tapak tangan. Adakah objek-objek ini mengeluarkan bunyi? Tahukah kamu semua objek yang boleh mengeluarkan bunyi apabila diketuk, digeser dan digoncang boleh dijadikan alat muzik improvisasi?



**Nota Guru**

- Berbincang tentang bunyi dan warna ton yang dihasilkan oleh setiap alat improvisasi ini.
- Galakkan murid melayari Internet untuk mengetahui cara menghasilkan alat perkusi ini dengan carian "DIY Music Instruments".

## Skor Ensembel

Audio 1: Ensembel Buah Tempatan

Teliti skor lagu Buah Tempatan. Apakah yang dapat kamu lihat pada skor? Bincang tentang melodi kaunter.



### Buah Tempatan



Lagu dan lirik: Lee Chai Huat











Info

Untuk tujuan nyanyian, tanda **'** dalam ejaan **neg'ri** dalam skor ini menunjukkan ada huruf **e** yang sengaja digugurkan dalam lirik lagu.








C C7 F7 C D7
12
ku Bi-la di-ma - kan tak per-nah je - mu Nik-ma - ti ke - la-za-
G7 C Dm
16
tan Ma -ri ki - ta sa - ma - sa -ma me - ra - sa - i Pel -ba-gai










**Nota Guru**

Untuk persembahan, galakkan murid menggunakan bahan improvisasi bagi menggantikan Alat Perkusi I dan 2.

1

Pengalaman Muzikal

# Nyanyian – Pic

Audio 2: Latihan 1
Audio 3: Latihan 2
Audio 4: Latihan 3
Audio 5: Latihan 4
Audio 6: Latihan 5

Dengar audio dan ajuk pic dengan sebutan la.

## Latihan 1



## Latihan 2



## Latihan 3



Dengar audio dan ajuk pic dengan sebutan la.

## Latihan 4



## Latihan 5



## Nyanyian – Pic

Mari dengar lagu Buah Tempatan. Kemudian, nyanyikannya dengan pic yang betul.

Audio 7 : Vokal Buah Tempatan
Audio 8 : Instrumental Buah Tempatan
Audio 9 : Minus one Buah Tempatan

### Buah Tempatan

Lagu dan lirik: Lee Chai Huat

Manggis, langsat, durian, dan rambutan
Sungguh enak dan lazat bila dimakan
Buah tempatan Malaysiaku
Tarikan pelancong ke neg'riku

Buah betik buah ciku
Tak lupa juga pulasan dan duku
Bila dimakan tak pernah jemu
Nikmati kelazatan

Mari kita sama-sama merasai
Pelbagai bentuk dan pelbagai rasa
Buah tempatan oh sungguh istimewa
Satu kebanggaan negara kita

**Nota Guru**

1.1.1

- Latihan ajuk pic dan ajuk melodi boleh dinyanyikan dengan sebutan yang lain, contohnya lu, li, mi dan mu.
- Minta murid menyanyikan lagu Buah Tempatan dengan sebutan la atau li terlebih dahulu untuk mendapatkan pic yang betul sebelum menyanyikan lirik lagu di atas.

KBAT: Mengaplikasi | Nilai: Kerjasama | EMK: Kreativiti dan Inovasi

Pengalaman Muzikal

# 1

## Corak Irama

Corak irama mempunyai meter. Setiap meter mempunyai detik yang tertentu seperti yang berikut:







Audio 10 : Latihan 1
Audio 11 : Latihan 2
Audio 12 : Latihan 3
Audio 13 : Latihan 4

**Info**

Dalam pengiraan detik, **+** disebut sebagai ***and.***

Mari kita belajar mengira detik sambil menepuk corak irama berikut secara berulang-ulang.

### Latihan 1




### Latihan 2




### Latihan 3




### Latihan 4



Pengalaman Muzikal

# Corak Irama

Mainkan alat perkusi untuk mengiringi lagu Buah Tempatan bersama-sama.

Audio 14 : Instrumental Buah Tempatan dengan iringan alat perkusi (tempo lambat)
Audio 15 : Instrumental Buah Tempatan dengan iringan alat perkusi (tempo cepat)

1

## Buah Tempatan

Lagu: Lee Chai Huat










### Nota Guru

1.2.1
1.2.2

- Minta murid berlatih mengajuk corak irama dengan pelbagai perkusi badan dalam tempo lambat sebelum menggunakan alat perkusi yang sesuai untuk memainkan corak irama.
- Bahagikan murid kepada dua kumpulan dan tepuk corak irama Alat Perkusi 1 dan 2 mengikut skor lagu.
- Pilih alat perkusi atau alat perkusi improvisasi yang sesuai untuk memainkan corak irama tersebut mengikut iringan muzik lagu Buah Tempatan.
- Minta murid mengenal pasti corak irama Latihan 1, 2, 3 dan 4 dalam skor lagu dengan menyatakan nombor bar yang berkenaan.
- Sebagai pengukuhan, minta murid memainkan alat perkusi berdasarkan skor ensembel Buah Tempatan pada halaman 2 hingga 5.

KBAT: Mengaplikasi | Nilai: Kerjasama | EMK: Kreativiti dan Inovasi

# Muzik dengan Pergerakan - Bentuk ABA

Audio 16: Vokal Buah Tempatan
Audio 17: Instrumental Buah Tempatan

Dengar audio yang dimainkan. Lakukan pergerakan berpandukan konsep bentuk berdasarkan melodi yang didengar.



**A**

Manggis, langsat, durian, dan rambutan
Sungguh enak dan lazat bila dimakan
Buah tempatan Malaysiaku
Tarikan pelancong ke neg'riku

**B**

Buah betik, buah ciku
Tak lupa juga pulasan dan duku
Bila dimakan tak pernah jemu
Nikmati kelazatan



**A**

Mari kita sama-sama merasai
Pelbagai bentuk dan pelbagai rasa
Buah tempatan oh sungguh istimewa
Satu kebanggaan negara kita

A

Jalan berlenggang
Tepuk tangan dua kali
Jalan berlenggang



B

Bongkok badan
Ayun tangan
Berdiri, tangan di pinggang
Pusing badan kiri dan kanan





A

Jalan berlenggang
Tepuk tangan dua kali
Jalan berlenggang

**Nota Guru**

**1.3.1**
- Bimbing murid mengenal pasti konsep bentuk daripada aspek rangkap dan korus dalam lagu melalui aktiviti mendengar.
- Minta murid melakukan pergerakan secara individu dalam kumpulan mengikut konsep bentuk dalam lagu.
- Guru dan murid boleh mengubah suai pergerakan mengikut kreativiti.

KBAT: Mengaplikasi | Nilai: Kesyukuran | EMK: Kreativiti dan Inovasi

# Rekoder – Melodi Kaunter

Kamu telah mempelajari penjarian not E, F, G, A, B, C',dan D'. Mari kita mainkan latihan rekoder ini. Kemudian, mainkan melodi kaunter di bawah.

Audio 18 : Latihan Rekoder
Audio 19 : Instrumental Buah Tempatan
Audio 20: Instrumental dengan Melodi Kaunter 1
Audio 21 : Instrumental dengan Melodi Kaunter 2
Audio 22: Minus one Buah Tempatan

## Latihan Rekoder





## Buah Tempatan













## Nota Guru

**1.4.1**
**1.4.2**

- Minta murid membuat penjarian not E, F, G, A, B, C' dan D', sambil menyebut setiap not tersebut dengan nama not. Secara tidak langsung, murid mengulang kaji penjarian not yang telah dipelajari dalam tahun 5 sebelum mula membuat latihan rekoder di atas.
- Kedua-dua melodi kaunter mempunyai aras kemahiran yang berbeza. Guru boleh meminta murid memainkan melodi kaunter yang bersesuaian mengikut tahap kemampuan murid.

KBAT: Mengaplikasi Nilai: Berdisiplin EMK: Kreativiti dan Inovasi

## Apakah Simbol Muzik Itu?

Audio 23: Slur
Audio 24: Tie
Audio 25: Common time
Audio 26: Fermata

Mari kita mengenali dan membaca simbol muzik seperti yang di bawah:



slur

tie

common time

fermata

**Soalan Pengukuhan**

Teliti gambar. Apakah perbezaan antara slur dengan tie?

Bagaimanakah simbol ini dimainkan dengan rekoder? Dengar audio dan camkannya.

slur



Not pertama yang dimainkan lanjut sehingga not kedua. Kedua-dua not ini mempunyai pic yang berbeza.

tie



Not ini dimainkan sekali gus dan dipanjangkan sebanyak 3 detik krocet.

common time



Simbol ini juga mewakili meter $\frac{4}{4}$.

fermata



Not ini dibunyikan lebih panjang daripada nilai asalnya.

1

Audio 27: Instrumental Ceritaku

Dengar lagu Ceritaku sambil meneliti skor lagu. Mainkan lagu ini dengan menggunakan rekoder mengikut simbol yang tertera.

## Ceritaku

Lagu: Lee Chai Huat




- Apakah meter bagi lagu Ceritaku?
- Nyatakan bar yang mempunyai tie dan slur.
- Di bar manakah letaknya fermata dalam skor di atas?

**Nota Guru**

1.4.1
4.1.1

Sediakan contoh skor lagu yang mengandungi simbol slur, tie, common time dan fermata. Minta murid mengenal pasti simbol-simbol tersebut dan mainkannya dengan menggunakan rekoder.

KBAT: Menganalisis

Nilai: Berdisiplin

EMK: Kreativiti dan Inovasi

# Not C Tengah dan Not D

Apakah perbezaan antara not C tengah dengan not C'?

Not C tengah pada baluk



Not C tengah

Apakah perbezaan antara not D di bawah baluk dengan not D'?

Not D di bawah baluk



Not D

Mari ingat semula not-not yang telah dipelajari melalui permainan ini.

## Roda Muzik




Roda kecil

(untuk murid)




Roda utama

(untuk guru)




Nota Guru

**4.1.2**

- Minta murid berlatih menulis not C tengah dan not D di bawah baluk dalam buku manuskrip.
- Maklumkan bahawa not D di bawah baluk juga disebut sebagai not D kepada murid.

KBAT: Menganalisis

Nilai: Berdisiplin

EMK: Kreativiti dan Inovasi

1

Nama: ____________________ Kelas: __________

## Cerdik Muzik

1. Namakan simbol muzik pada petikan skor di bawah.




(a) ____________________ (b) ____________________

(c) ____________________ (d) ____________________

2. Bulatkan not C tengah dan not D di bawah baluk dalam petikan skor di atas.

3. Tepuk corak irama di bawah.

(a) 

(b) 

(c) 

(d) 

4. Nyanyikan lagu Buah Tempatan dengan pic yang betul.

**Nota Guru**

Banyakkan halaman ini untuk diedarkan kepada murid.

# UNIT 2 Peta Bunyi




**Nota Guru**

Berdasarkan situasi dalam gambar, bincangkan bunyi yang dapat didengari. Kaitkan bunyi yang berkenaan dengan perkusi mulut dan badan.

# Skor Ensembel

Dengar dan teliti skor lagu Hilang Duka Hidup Ceria. Bincangkan jenis alat perkusi yang boleh digunakan dalam skor ini.

Audio 28: Ensembel
Hilang Duka Hidup Ceria

## Hilang Duka Hidup Ceria

Lagu dan lirik: Lee Chai Huat



2

**Info**

Rentak yang terhasil daripada permainan alat perkusi I dan 2 ialah rentak inang.







12
G7 C F C G
nyi La la la la la la la la la la I - kut i - ra -
ber - nya-nyi La la la la la la I - kut
16
C Am F C
ma Mu - zik ran - cak ber- ge- ma ki -
i - ra - ma Mu - zik ran - cak ber- ge - ma




20
C
Dm
C
ta ber - pes - ta gem - bi- ra Ma - ri
ki - ta ber - pes - ta gem - bi - ra
23
Am7
G
F
G7
C
hi -lang -kan du - ka Hi - dup ce - ri - a
Hi -lang -kan du - ka Hi - dup ce - ri - a



# Nyanyian Lagu Dua Suara - Suara 1

Mari dengar lagu ini. Kemudian, nyanyi bahagian Suara 1 sahaja dengan pic yang betul.

Audio 29: Vokal Hilang Duka Hidup Ceria (Suara 1 dan Suara 2)
Audio 30: Vokal Hilang Duka Hidup Ceria (Suara 1)
Audio 31 : Vokal Hilang Duka Hidup Ceria (Suara 2)
Audio 32: Instrumental Hilang Duka Hidup Ceria (Suara 1)
Audio 33: Minus one Hilang Duka Hidup Ceria

## Hilang Duka Hidup Ceria

Lagu dan lirik: Lee Chai Huat



Suara 1

Suara 2








©








Nota Guru

**1.1.2**
- Pastikan murid dapat menyanyikan Suara I dengan pic yang betul sebelum digabungkan.
- Galakkan murid bernyanyi tanpa iringan muzik. Guru perlu membunyikan pic yang pertama.
- Murid akan menyanyikan Suara I dengan iringan Suara 2.

KBAT: Mengaplikasi | Nilai: Keberanian | EMK: Kreativiti dan Inovasi

# Meter

Kamu telah pun mempelajari meter dalam tahun 4 dan 5. Sekarang, mari kita dengar petikan di bawah sambil belajar mengira detik dan cara memimpin.

Audio 34: Petikan 1
Audio 35: Petikan 2
Audio 36: Petikan 3
Audio 37: Gabungan petikan 1,2, dan 3

## Petikan 1






## Petikan 2






## Petikan 3






### Nota Guru

**4.1.4**

- Minta murid menulis meter dan corak irama bagi setiap petikan dalam buku manuskrip.
  Contoh: 2/4 ♩ ♩ ||
- Galakkan murid melakukan perkusi badan yang berbeza bagi petikan di atas mengikut detik.
  2/4 hentak kaki, 3/4 tepuk tangan, 4/4 tepuk paha
- Minta murid menunjukkan kad meter bagi setiap perubahan yang berlaku semasa memainkan Audio 37.

KBAT: Mengaplikasi   Nilai: Berdisiplin   EMK: Kreativiti dan Inovasi

# Alat Perkusi – Corak Irama

Audio 38: Latihan 1
Audio 39: Latihan 2
Audio 40: Latihan 3
Audio 41 : Latihan 4
Audio 42: Latihan 5
Audio 43: Latihan 6

Dengar audio corak irama di bawah dan tepuk tangan mengikut corak irama ini.

Latihan 1




Latihan 2




Latihan 3




Latihan 4




**Info**

Dalam pengiraan detik, **+** disebut sebagai ***and.***

Mari buat latihan di bawah sebelum memainkan alat perkusi mengikut skor lagu Hilang Duka Hidup Ceria.

Latihan 5

Alat Perkusi A

Alat Perkusi B



Latihan 6

Alat Perkusi A

Alat Perkusi B



# Skor Ensembel

Mainkan alat perkusi mengikut skor Hilang Duka Hidup Ceria.

Audio 44: Instrumental Hilang Duka Hidup Ceria

## Hilang Duka Hidup Ceria






## Nota Guru

**1.2.1**

- Minta murid berlatih mengajuk corak irama Alat Perkusi 1 dan 2 dengan pelbagai perkusi badan. Selepas itu, gunakan alat perkusi yang sesuai untuk memainkan lagu berpandukan skor.
- Tepuk corak irama Alat Perkusi 1 dan 2 sebelum memainkan lagu berpandukan skor.
- Bahagikan murid kepada dua kumpulan. Minta murid menepuk corak irama Alat Perkusi 1 dan 2 mengikut skor lagu.
- Berbincang tentang rentak inang dengan murid.
- Pilih alat perkusi yang sesuai untuk menghasilkan rentak inang. Galakkan murid menggunakan alat perkusi improvisasi.

KBAT: Mengaplikasi    Nilai: Kerjasama    EMK: Kreativiti dan Inovasi

# Menghasilkan Idea Muzikal Kreatif

Audio 45: Vokal Twinkle Twinkle Little Star

Teroka bunyi perkusi mulut berpandukan ikon petunjuk yang disediakan dalam Roda Perkusi. Kemudian, buat bunyi perkusi mulut berdasarkan permainan Roda Perkusi dengan iringan lagu Twinkle Twinkle Little Star.

## Twinkle Twinkle Little Star

Traditional Children Song



## Roda Perkusi

Mula di sini






### Nota Guru

2.1.1

- Sediakan alat bantu mengajar dalam bentuk Roda Perkusi seperti yang di atas.
- Bahagikan murid kepada enam kumpulan bunyi berpandukan ikon petunjuk.
- Pusingkan Roda Perkusi. Apabila roda berhenti, setiap kumpulan akan membuat bunyi perkusi mulut mengikut ikon masing-masing bermula dari tanda anak panah hingga habis satu pusingan roda, dari kanan ke kiri atau sebaliknya.
- Ulang langkah-langkah di atas. Bimbing murid membuat latihan perkusi mulut ini dan pastikan mereka membunyikannya mengikut tempo yang sama.
- Kemudian, minta murid mengiringi lagu Twinkle Twinkle Little Star dengan menggunakan perkusi mulut.

KBAT: Mencipta | Nilai: Keberanian | EMK: Kreativiti dan Inovasi

# Rekoder– Not C Tengah dan D

Buat latihan penjarian not C tengah dan not D sebelum memainkan corak irama di bawah.

Audio 46: Latihan 1
Audio 47: Latihan 2
Audio 48: Latihan 3
Audio 49: Latihan 4




## Latihan 1



## Latihan 2



## Latihan 3



## Latihan 4



Pengalaman Muzikal

Mari dengar lagu ini. Kemudian, mainkan lagu Jariku Menari dengan rekoder.

Audio 50 : Jariku Menari dengan rekoder
Audio 51 : Minus one Jariku Menari

## Jariku Menari

Lagu: Lee Chai Huat




Nota Guru

1.4.1

- Minta murid membuat latihan penjarian rekoder not C tengah dan not D.
- Galakkan murid berlatih bermain dengan rekoder tanpa iringan muzik terlebih dahulu.
- Minta murid mendengar Audio 50 sebelum bermain rekoder.
- Minta murid menamakan not pada skor Jariku Menari sebelum bermain rekoder.

KBAT: Mengaplikasi

Nilai: Berdikari

EMK: Kreativiti dan Inovasi

# Nilai Not dan Tanda Rehat

Kenali nilai not dan tanda rehat melalui Permainan Kenali Saya.




| Not | Nama not | Tanda rehat | Nilai |
|---|---|---|---|
| ♪ | Kuaver | 𝄾 | 1/2 |









**Permainan Dam Notasi**

1. Lontar dadu mengikut giliran.
2. Gerakkan cip mengikut bilangan yang dipaparkan pada dadu.
3. Apabila cip berada di petak yang mempunyai soalan persamaan matematik, jawab soalan tersebut dan gerakkan cip mengikut jumlah jawapan.




Nota Guru

**4.1.3**

- Bimbing murid membaca dan mengenali nilai serta bentuk setiap not dan tanda rehat.
- Perkenalkan not dan tanda rehat krocet bertitik sebelum bermain Permainan Kenali Saya.
- Minta murid menulis not dan tanda rehat yang berkenaan dalam buku manuskrip.
- Minta murid menyalin soalan yang terdapat dalam petak Permainan Dam Notasi dalam buku manuskrip dan menulis jawapan yang betul.

KBAT: Menganalisis Nilai: Kerajinan EMK: Keusahawanan

2

Nama: ______________________ Kelas: __________

## Cerdik Muzik

1. Lukis not dan tanda rehat dalam ruangan yang disediakan.

| Bil. | Nama | Not | Tanda rehat |
|---|---|---|---|
| (a) | Minim | | |
| (b) | Krocet | | |
| (c) | Minim bertitik | | |
| (d) | Kuaver | | |
| (e) | Semibrif | | |

2. Tulis meter yang betul.

(a) (b) (c) (d)



3. Namakan not berikut:

(a) (b) (c) (d) (e)



Nota Guru

Banyakkan halaman ini untuk diedarkan kepada murid.

UNIT 3

# Alat Muzik Dunia




Nota Guru

- Bersoal jawab dengan murid tentang gambar.
- Berbincang tentang ciri-ciri alat muzik dan negara asalnya.
- Layari Internet dan bandingkan alat muzik dunia dengan alat muzik tradisional negara Malaysia (rujuk halaman 54 dan 55).

Pengalaman Muzikal

## Skor Ensembel

Teliti skor lagu Kawan Baharu. Bincangkan permainan alat perkusi dan frasa lagu.

Audio 52 - Ensembel Kawan Baharu

### Kawan Baharu

Lagu dan lirik: Zaiton Mohamad




C
F G7 C
14
2.
ti - ap ha - ri Ha - lang ke - su - nyi - an U-
G7 C F C
21
1.
sah - lah ber - se-dih wa - hai ka -wan - ku Ce - ri-a- kan - lah hi - dup -mu
ku men - ja - di ra - kan - mu se - ja - ti Ter -


28
G7
2.
C
F
Kan bang di la -ngit bi - ru Sa - ma - sa - ma ki -
35
G7
F
C
F
ta ber - sa - tu Sa - ling mem - ban - tu Su-sah se - nang


42
C
F
C
G7
C
tem - puh - i ber - sa - ma A - sal - kan ba - ha - gia



# Memainkan Alat Perkusi Pelbagai Tempo

Dengar audio muzik instrumental. Dapatkah kamu membanding beza warna ton kesemua alat perkusi yang digunakan? Lakukan latihan di bawah.

Audio 53 : Instrumental Latihan 1
Audio 54 : Instrumental Latihan 2
Audio 55 : Instrumental Latihan 3
Audio 56 : Minus one Kawan Baharu (tempo lambat)
Audio 57 : Minus one Kawan Baharu (tempo sederhana)
Audio 58 : Minus one Kawan Baharu (tempo cepat)

## Latihan 1




## Latihan 2



## Latihan 3







### Nota Guru

**1.2.2**

- Bimbing murid membuat latihan yang disediakan.
- Bimbing murid membuat analisis skor perkusi lagu Kawan Baharu. Maklumkan bahawa mereka juga akan didedahkan dengan peningkatan jumlah alat perkusi dalam skor.
- Mulakan bermain alat perkusi bagi mengiringi lagu Kawan Baharu dalam tempo lambat, diikuti dengan tempo sederhana dan cepat.

KBAT: Menganalisis    Nilai: Berdikari    EMK: Keusahawanan

## Bergerak Mengikut Muzik - Tekstur

Audio 59 : Vokal Kawan Baharu

Dengar audio yang disediakan. Hayati muzik yang didengari dan kaitkannya dengan pergerakan seperti yang terdapat dalam gambar. Lakukan pergerakan berpandukan konsep tekstur dengan iringan muzik yang didengari.



Diriku sebatang kara
Hidup menyendiri
Terbang ke sana sini
Mencari makan setiap hari

Hatiku s'lalu bertanya
Bilakah agaknya
Hadirnya kawan
menjadi teman
Hilang kesunyian

Usahlah bersedih
wahai kawanku
Ceriakanlah hidupmu
Kanku menjadi
rakanmu sejati
Terbang di langit biru





Sama-sama kita bersatu
Saling membantu
Susah senang tempuhi bersama
Asalkan bahagia







**Nota Guru**

1.3.1
1.3.2

- Bimbing murid membuat latih tubi pergerakan seperti dalam gambar.
- Hayati lagu yang didengari dan bimbing murid memahami konsep tekstur nipis dan tebal.
- Terapkan nilai bermasyarakat dalam pergerakan.

KBAT: Mencipta    Nilai: Kerjasama    EMK: Kreativiti dan Inovasi

# Rekoder - Pelbagai Tempo Not C, D, E, F, G, A, B, C', D'

Dengar audio latihan penjarian. Kemudian, buat latihan penjarian not D di bawah baluk dan C tengah. Setelah kamu mahir bermain kedua-dua not itu, mainkan lagu Kawan Baharu dengan penjarian yang betul dengan mengikut tempo lambat, sederhana dan cepat.

Audio 60 : Instrumental Latihan 1
Audio 61 : Instrumental Latihan 2
Audio 62 : Instrumental Latihan 3
Audio 63 : Kawan Baharu (tempo lambat)
Audio 64 : Kawan Baharu (tempo sederhana)
Audio 65 : Kawan Baharu (tempo cepat)

## Latihan 1




## Latihan 2




## Latihan 3



